



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

EASY RIDER ACCESSORIES SDN. BHD.

**DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM
DPA 05**

DISEDIAKAN UNTUK:

PROF. DR. HAJI ILLIAS ZAIDI

DISEDIAKAN OLEH:

ARMIZAM B. ARBAI

(97419239)

ABDULRAHMAN B. EBNI

(97419207)

FAHMY B. SH. ABDULLAH

(97418191)

MOHD. SYAIFUL B. MOKHTAR

(97419484)



INSTITUT TEKNOLOGI MARA CAWANGAN MELAKA

MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh: 24 Januari 2000
Surat Tuan:
Surat Kami: 100-CM(AKA 37/B)

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka
Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771
Telefax: 06-563963

06-5591067

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Kursus Diploma Pentadbiran Awam di Universiti Teknologi MARA, Kampus Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran ETR 300 Asas Keusahawanan

Bil.	Nama Pelajar	No. ITM
1.	Fahmy b. Sheikh Abdullah	97418191
2.	Abdulrahman b. Ebni	97419207
3.	Mohd Syaiful b. Mokhtar	97419484
4.	Armizam b. Arbai	97419239

Sukacita saya sekiranya dapat tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik dan tidak akan disebarikan kepada umum.

Kerjasama tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

ROZALLI HASHIM
Ketua Kursus DPA
Universiti Teknologi MARA
Kampus Melaka
b/p Provos

SURAT SERAHAN

**SEMESTER 5
DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA KAMPUS MELAKA
78000 ALOR GAJAH
MELAKA**

10 MARCH 2000

**PROF. DR. TUAN HAJI ILLIAS ZAIDI
PENSYARAH ASAS KEUSAHAWANAN (ETR 300)
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA KAMPUS MELAKA
78000 ALOR GAJAH
MELAKA.**

TUAN

RANCANGAN PERNIAGAAN EASY RIDER ACCESSORIES SDN. BHD.

MERUJUK PERKARA DI ATAS, KAMI TELAH MENYEDIAKAN SEBUAH RANCANGAN PERNIAGAAN BERHUBUNG DENGAN PENJUALAN DAN PEMASANGAN AKSESORI MOTOSIKAL. IA TELAH BERJAYA DISEDIAKAN DENGAN MENGIKUT TATACARA DAN PROSEDUR YANG TELAH DITETAPKAN OLEH PIHAK TUAN.

PROJEK INI DIPILIH KERANA KAMI MERASAKAN IA MEMPUNYAI POTENSI YANG BAIK DAN BERDAYA MAJU DI MASA HADAPAN. DI SAMPING ITU, KAMI JUGA INGIN MENAMBAHKAN BILANGAN BUMIPUTERA YANG BERKECIMPUNG DI DALAM BIDANG PERNIAGAAN INI. PENYEDIAAN RANCANGAN PERNIAGAAN INI JUGA ADALAH AMAT SESUAI UNTUK MEMBERI PENDEDAHAN KEPADA UMUM TENTANG TEKNIK-TEKNIK DAN PROSEDUR-PROSEDUR YANG PERLU DI AMBIL KIRA DALAM MENJALANKAN SESUATU PERNIAGAAN.

AKHIR KATA, DENGAN SUKACITANYA KAMI MENYERAHKAN RANCANGAN PERNIAGAAN INI DENGAN HARAPAN IANYA DAPAT MEMENUHI KEHENDAK MATAPELAJARAN ASAS KEUSAHAWANAN (ETR 300) DAN SEMOGA PIHAK TUAN BERPUAS HATI DENGANNYA.

SEKIAN, TERIMA KASIH

YANG BENAR,

.....
**ARMIZAM B. ARBAI
PENGURUS BESAR
(97419239)**

PENDAHULUAN

EASY RIDERS ACCESSORIES SDN. BHD. ADALAH SEBUAH PERNIAGAAN PERKONGSIAN YANG TERDIRI DARIPADA 4 ORANG AHLI PERNIAGAAN. IANYA DIJANGKA AKAN DITUBUHKAN PADA 1 JANUARI 2001 YANG BERMATLAMATKAN UNTUK MEMENUHI KEHENDAK PELANGGAN YANG TERDIRI DARIPADA ORANG PERSENDIRIAN, YANG TERDIRI DARIPADA GOLONGAN ANAK-ANAK MUDA YANG MEMILIKI MOTOSIKAL DAN JUGA UNTUK PENGUSAHA BENGKEL-BENGKEL MEMBAIKI MOTOSIKAL.

PERNIAGAAN KAMI YANG BEROPERASI DI KAWASAN KUALA LUMPUR INI BERTUJUAN UNTUK MENARIK PERHATIAN ANAK-ANAK MUDA YANG BERADA DI KAWASAN BANDAR. MEMANDANGKAN PERNIAGAAN KAMI INI TIDAK BANYAK DICEBURI OLEH ORANG MELAYU MAKA, ADALAH PERLU UNTUK KAMI MEMPUNYAI ORANG-ORANG YANG TELAH BERPENGALAMAN DAN BERKEMAHIRAN DALAM BIDANG INI.

JUMLAH RAKAN KONGSI DIHADKAN KERANA KAMI INGIN MEMBERI PELUANG KEPADA SEMUA PEKERJA YANG BENAR-BENAR BERDEDIKASI DAN BERTANGGUNGJAWAB DALAM PERNIAGAAN INI UNTUK SAMA-SAMA MEMBANGUNKAN PERNIAGAAN AKSESORI MOTOSIKAL INI.

INSYA-ALLAH DENGAN HARAPAN DAN SEMANGAT YANG ADA PADA KAMI SEMUA, APABILA PERNIAGAAN INI MAJU, KAMI INGIN MEMBESARKAN DAN MEMPERLUASKAN LAGI PERNIAGAAN KAMI DENGAN MEMBUKA LAGI CAWANGAN YANG LAIN.

TUJUAN RANCANGAN PERNIAGAAN

DISEBABKAN KURANGNYA PENGLIBATAN KAUM BUMIPUTRA DALAM PERNIAGAAN INI IAITU PERNIAGAAN MENJUAL AKSESORI DAN ALAT GANTI MOTOSIKAL TELAH MEMBERI SEMANGAT DAN KESAN YANG POSITIF KEPADA KAMI UNTUK MEMULAKAN SEBUAH PERNIAGAAN YANG BERKAITAN DENGAN AKSESORI DAN ALAT GANTI MOTOSIKAL DENGAN HARAPAN DAPAT BERSAING DENGAN PENIAGA-PENIAGA LAIN.

RANCANGAN PERNIAGAAN YANG KAMI SEDIAKAN INI SECARA LANGSUNG MENJADI MOTIVASI KEPADA MEREKA YANG INGIN MENCEBURI BIDANG INI. HARAPAN KAMI MENERUSI RANCANGAN PERNIAGAAN INI DAPAT MEMBERI KEYAKINAN BAHAWA BANGSA MELAYU JUGA SETARAF DAN BERKEUPAYAAN SEPERTI BANGSA LAIN.

ANTARA TUJUAN KAMI MENYEDIAKAN RANCANGAN PERNIAGAAN INI ADALAH SEPERTI BERIKUT:

- SEBAGAI RUJUKAN DAN PANDUAN UNTUK KAMI MENJALANKAN OPERASI PERNIAGAAN.
- UNTUK MENGAJI DAN MELIHAT SECARA OBJEKTIF, KRITIKAL DAN PRAKTIKAL SAMA ADA PROJEK YANG AKAN DIJALANKAN BERJAYA DENGAN MENGAMBIL PERTIMBANGAN YANG BERASAS.
- MENGENAL PASTI MASALAH ATAU RISIKO PERNIAGAAN YANG TERPAKSA DITEMPUHI DAN TABAH MENGHADAPINYA.
- MENYUSUN DAN MENGANGGARKAN KEMAMPUAN PERNIAGAAN INI DALAM PERSAINGAN DENGAN PERNIAGAAN-PERNIAGAAN YANG LAIN.